

**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
FAKULTI PERUBATAN VETERINAR**

KEKOSONGAN JAWATAN

| |
|--|
| PEKERJA SAMBILAN HARIAN PEGAWAI EKSEKUTIF 3 |
|--|

| | |
|----------------------|---|
| Kumpulan | : Pelaksana |
| Jadual Gaji | : RM72.00 sehari |
| Taraf Jawatan | : Sambilan bagi tempoh 3 hingga 6 bulan |
| Kekosongan | : Satu (1) |
| Penempatan | : Malaysian One Health University Network (MyOHUN) Fakulti Perubatan Veterinar |

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c. Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- d. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Syarat Tambahan:

- e. Mempunyai kenderaan untuk tugas luar.
- f. Individu bujang diberikan keutamaan (berumur 30 tahun ke bawah).
- g. Keutamaan diberikan dalam bidang perakuanan, kewangan, pengurusan sumber manusia.

Ringkasan Tugas

Membantu dalam menyediakan dokumentasi kewangan, merekod dan menyemak data perbelanjaan dan tuntutan, memproses tuntutan dan perbelanjaan aktiviti organisasi, menyelenggara rekod dan menyediakan laporan perbelanjaan, mengurus, menyelenggara, memantau semua jenis panjar, mengurus serta mengawal peruntukan, menyedia dan mengemaskinikan belanjawan tahunan, menguruskan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja, menyelenggara buku rekod dokumen-dokumen kewangan, menyelenggara mengemaskini, memantau akaun vot/amanah

CARA MEMOHON:

Pemohon dikehendaki menggunakan borang **Permohonan Jawatan Kumpulan Sokongan (SOK/BUM/BR03/JAWATAN02)** yang dilampirkan dan majukan borang permohonan yang lengkap ke alamat berikut:

**Pejabat Am Dekan
Fakulti Perubatan Veterinar
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor D. Ehsan**

PERATURAN MEMOHON

Borang permohonan yang lengkap mestilah disertakan dengan salinan Kad Pengenalan, salinan sijil kelahiran dan salinan sijil-sijil persekolahan/pelajaran yang telah disahkan serta sekeping gambar terbaru berukuran passport.

Perhatian:-

- a. Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima atau tidak mengikut peraturan memohon boleh menyebabkan permohonan tidak akan dilayan;
- b. Hanya calon yang dipilih dalam saringan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga;
- c. Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

TARIKH TUTUP IKLAN

Permohonan hendaklah sampai ke alamat tersebut di atas **tidak lewat daripada 18 September 2020.**

LUDINATA BIN MISNUN

Ketua Penolong Pendaftar
Fakulti Perubatan Veterinar

No. Tel : 03-86093999

No. Faks : 03-89471971

Tarikh : 10 September 2020